



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPRESI TAMPAK MELALUI LUKISAN DI KALANGAN PELAJAR MENENGAH RENDAH

HAMZAH BIN LASA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

21 November 2004

HAMZAH BIN LASA
No.Matrik :2002-00310



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penyelia Pembimbing Encik Abd Halim Husain yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sehingga terhasilnya tesis ini. Sesungguhnya segala ilmu yang diperolehi dari beliau semasa menjalankan kajian ini tidak terkira nilainya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberikan bantuan, pendapat, kerjasama serta pandangan-pandangan yang membina. Penghargaan juga diberikan kepada Jabatan Pendidikan Daerah Raub, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan pihak Sekolah Menengah Tengku Kudin, Raub serta sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membantu menjayakan penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih

HAMZAH BIN LASA
Raub Pahang Darul Makmur,
November, 2004





ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk menyelidik apakah makna imej tampak dalam ekspresi pelajar tingkatan satu. Objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik ini ialah untuk mengenalpasti makna-makna imej tampak dalam lukisan pelajar dan faktor yang mempengaruhi perbezaan lukisan pelajar ini. Rekabentuk kajian ini adalah berupa pemerhatian terkawal dengan menggunakan instrumen aktiviti melukis. Tiga buah hasil lukisan dipilih sebagai sampel dan dianalisis. Penyelidik juga menjalankan temubual bagi mengetahui perkara sebenar. Dalam kajian kualitatif ini penyelidik lebih berminat mencari maklumat dan bukan untuk membuat hipotesis. Oleh itu penyelidik lebih menumpukan kepada proses daripada hasil. Penyelidik ingin mengetahui “participant perspectives” bagi mengetahui perkara sebenar apakah makna dalam lukisan mereka.





ABSTRACT

The aim of this study is to investigate the meaning of visual expression of form one students. The researcher's objective is to recognise what kind of expression is portrayed in the drawing and the factors which influence the differences. The design of the study is a controlled observation and uses drawing activities as its instrument. Three drawings were selected as samples and were analysed. The researcher has also conducted interviews to the students to obtain the phenomenon in its natural setting. In this study the researcher is more interested in finding information rather than formulating hypothesis. Therefore, the researcher's focus was on the process and not the product. The researcher's interested to know the participants' perspectives in its real setting and the meaning of the students' drawing.



Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK	iv
ABSTACT	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1

PENGENALAN


05-4506832


pustaka.upsi.edu.my


Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah


PustakaTBainun


ptbupsi

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah.....	4
1.4 Objektif Kajian.....	5
1.5 Persoalan Kajian.....	5
1.6 Rasional Kajian.....	6
1.7 Kepentingan kajian.....	6
1.8 Batasan Kajian	7
1.9 Prosedur Kajian	7
1.10 Definisi Terminologi.....	7

**BAB 2****TINJAUAN LITERATUR****Muka Surat**

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Lukisan Ekspresi	16
2.3	Lukisan Ekspresi Pelajar Sekolah	17
2.4	Tinjauan Kajian Lepas	19
2.5	Kesimpulan	29

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	30
3.3	Rasional Menjalankan Kajian Tindakan	31
3.4	Kerangka Konsep	32
3.5	Tempat Kajian	35
3.6	Sampel Kajian	35
3.7	Instrumen Kajian	35
3.8	Prosedur Menjalankan Kajian	36
3.9	Prosedur Mengutip Data	36
3.10	Prosedur Analisis Data	37
3.11	Kaedah Memastikan Kesahan Maklumat	38
3.12	Etika Kajian	39
3.13	Laporan Dapatan	40



BAB 4**IMEJ TAMPAK DALAM LUKISAN PELAJAR**

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Konteks Partisipan	42
4.3	Gambaran Umum Hasil Lukisan.....	42
4.4	Gambaran 3 Buah Lukisan (Sampel Kajian).....	44
4.5	Tema	47
4.6	Elemen Tampak dalam Lukisan Kajian Kes	48
4.7	Simbol / Ikon	49
4.8	Hal Benda Kajian (Subject Matter)	50
4.9	Subjek dan Psikologi	52
4.10	Idea dan Makna	53
4.11	Kesimpulan Awal	52

BAB 5**ELEMEN DAN PRINSIP SENI DALAM LUKISAN**

5.1	Pendahuluan	57
5.2	Konsep Lukisan	57
5.3	Aspek Formal Lukisan	58
5.3.1	Elemen Garisan	59
5.3.2	Rupa	62
5.3.3	Bentuk	63

5.3.4	Jalanan	64
5.3.5	Ruang	64
5.3.6	Warna	66
5.4	Prinsip Seni	67
5.4.1	Imbangan	68
5.4.2	Penegasan	68
5.4.3	Harmoni	69
5.4.4	Pergerakan dan Irama	69
5.4.5	Kontra dan Kepelbagaian	70
5.4.6	Kesatuan	70
5.5	Kesimpulan Awal	71

BAB 6

INTERPRETASI DALAM PENGHASILAN LUKISAN

6.1	Pendahuluan	72
6.2	Representasi Imej.....	73
6.3	Interprtetasi berdasarkan Transkripsi Temubual.....	74
6.4	Psikologi Mempengaruhi Interpretasi	75
6.5	Penggambaran Konsep	78
6.6	Gubahan Informasi Visual	80
6.7	Proses Kreatif	82
6.8	Kesimpulan Awal	84

BAB 7

PENUTUP

7.1	Kesimpulan.....	85
7.2	Saranan.....	87
7.3	Kajian Lanjutan	90

Rujukan	91
---------------	----

Lampiran 1 : Soalan-Soalan Temubual

Lampiran 2 : Transkripsi Temubual Berstruktur

Lampiran 3 : Data Penganalisan Lukisan

Lampiran 4 : Data Lukisan Kajian Kes

Lampiran 5 : Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan



SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

3.1	Carta Perolehan Data	37
4.1	Peringkat Perkembangan Pemahaman Parson.....	51





Rajah

Muka Surat

3.1	Kerangka Konsep.....	33
4.1	Sampel Lukisan 1.....	44
4.2	Sampel Lukisan 2.....	45
4.3	Sampel Lukisan 3.....	46





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sesebuah lukisan merupakan representasi imejan hasil dari pengamatan seseorang pelukis terhadap sesuatu objek yang dilukis. Ia juga merupakan manifestasi rasa dalaman seseorang yang dijemakan sebagai mewakili apa yang dirasakan secara peribadi. Imej yang dipaparkan sering dipengaruhi oleh lingkungan individu itu. Meski pun demikian gambaran yang dijemakan sebagai imejan itu adalah tidak sama bagi setiap orang yang melukis sesuai dengan tanggapan yang berbeza terhadap sesuatu yang mereka tahu. Ini adalah tertakluk kepada persepsi dan daya tafsir yang berbeza. Dalam erti kata lain ungkapan-ungkapan yang terpancar menerusi lukisan ialah apa yang dirasakan oleh pelukis itu sendiri sebagai satu ekspresi dalaman yang mempengaruhi lukisan tersebut. Sebab itulah terdapatnya pelbagai rupa dan corak hasil lukisan dan ini merupakan gagasan yang diekspresikan oleh seseorang pelukis.

Melukis merupakan gerak kerja seni yang paling asas. Dalam kurikulum pendidikan seni visual di sekolah aktiviti melukis menyumbang ke arah perkembangan diri



estetik secara seimbang dan menyeluruh. Melukis memerlukan kebolehan kognitif, daya pengamatan yang baik di samping kebolehan mengaplikasikan pengetahuan-pengetahuan asas seni reka. Melukis bukan hanya penting dari aspek apresiasi dalam seni halus tetapi ia merentasi semua subjek yang diajar di sekolah. Dalam gerak kerja melukis proses artistik memainkan peranan dalam menjana serta mengembangkan idea seseorang pelajar. Namun begitu melukis memerlukan daya imajinasi yang baik. Dengan daya imajinasi ini pelajar dengan mudah dapat membuat ekspresi dalam lukisan mereka.

Kepentingan lukisan dalam pengajaran dan pembelajaran seni dilihat sebagai asas dalam meningkatkan potensi pelajar menterjemah pengalaman visual mereka di atas kertas. Ekspresi pelajar berbentuk lukisan merupakan curahan pengalaman yang dikutip dari alam persekitaran mereka. Apa saja yang dilukis oleh pelajar sama ada secara imitasi atau menerusi imajinasi mereka adalah bersandarkan kepada apa yang ada di dalam minda mereka. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti melukis bukan hanya dilihat dari aspek kemahiran menggambar tetapi dilihat juga dari aspek elemen-elemen kandungannya. Ini kerana kebanyakan pelajar masa kini boleh melukis berdasarkan kemampuan masing-masing dan apa yang digambarkan oleh pelajar itu adalah apa yang terkandung dalam minda mereka. Bagaimana pun ini jarang dipertimbangkan oleh pendidik seni. Sesuatu perkara yang dilukis oleh pelajar sebenarnya mempunyai pertalian erat dengan persekitaran serta latar belakang pelajar itu. Sebab itu sesuatu hasil lukisan pelajar itu harus mendapat pertimbangan dari pelbagai aspek bagi mengelakkan kesalahfahaman guru terhadap hasil kerja pelajar. Dalam kajian ini penyelidik adalah lebih berminat untuk mengkaji ekspresi lukisan pelajar.

Di peringkat persekolahan umpamanya, kita sering mendapati ada pelbagai ragam gaya hasil lukisan yang dihasilkan oleh pelajar. Kita sering tidak menduga apakah yang akan dilukis oleh pelajar kita bila mana sesuatu tema diketengahkan. Gambaran imejan yang dijelmakan oleh pelajar berbeza-beza antara satu dengan yang lain. Perbezaan ini jelas memberikan pelbagai pengertian kepada pengamatnya yang sukar diketahui. Gaya serta isi kandungan lukisan yang dipaparkan seringkali tidak sama. Ini adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor baik dari aspek psikologi dan sosiologi pelajar. Setiap pelajar mempunyai daya kebolehan yang berbeza baik dari segi kognitif, afektif, dan psikomotor, termasuk juga daya kreativiti yang sememangnya membantu mewujudkan satu kelainan yang nyata dan unik dalam menghasilkan sesuatu hasil seni. Tidak dapat dinafikan adanya kelainan cara berfikir pada setiap pelajar yang datang dari latar sosio budaya yang berbeza. Mereka ini mempunyai pengalaman serta persepsi yang tidak sama terhadap sesuatu, begitu juga nanti dalam penghasilan lukisan mereka.

1.2 Latar Belakang Masalah

Di peringkat sekolah menengah guru-guru pendidikan seni yang mengajar pelajaran lukisan menggunakan teori-teori asas seni. Ini bermula sejak dari pelajar berada dari tingkatan satu lagi. Kesenambungan aktiviti ini berlanjutan hingga ke tingkatan yang lebih tinggi. Ini bermakna gerak kerja melukis dan menggambar itu bukan lagi suatu perkara yang asing kepada pelajar. Bagi pelajar-pelajar menengah rendah, lazimnya pelajar-pelajar ini bebas melukis mengikut daya imajinasi sendiri. Pelajar berkecenderungan melukis apa sahaja mengikut kesesuaian tajuk yang diberikan oleh guru. Lazimnya hasil lukisan yang dihimpunkan itu mengandungi pelbagai ragam gaya

imejan. Sebagai guru pendidikan seni kita jarang mengambil tahu apakah sebenarnya yang diekspresikan oleh pelajar melalui lukisan mereka.

Dalam kajian ini rasionalnya bukanlah untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural tetapi pengkaji lebih berminat untuk memperkukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu dalam gerakerja lukisan. Dengan melaksanakan kajian yang berupa kajian tindakan, dapatan-dapatan itu nanti akan dapat dikongsi bersama oleh penyelidik dengan pelajar, rakan-rakan guru serta penyelidik yang lain (Salleh & Faridah : 2003), dalam pengajaran seterusnya. Kajian ini menjurus kepada mengetahui tentang ekspresi tampak dalam lukisan pelajar. Dengan memperkukuhkan kesedaran menerusi kajian ini akan dapat meningkatkan pemahaman dan seterusnya boleh meningkatkan amalan pengajaran dan pembelajaran seni.

1.3 Pernyataan Masalah

Kebanyakan guru-guru seni yang mengajar di peringkat sekolah menengah rendah sering melaksanakan aktiviti melukis di kalangan pelajar mereka. Namun begitu apakah sebenarnya yang diekspresikan oleh pelajar itu adalah suatu hal yang jarang sekali diambilkira atau diambil tahu oleh pendidik-pendidik seni . Oleh itu secara psikologinya guru-guru tidak dapat mengenali secara lebih dekat apakah keperluan atau aspek-aspek psikologi pelajar yang harus diketahui melalui ekspresi lukisan mereka.

1.4 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai oleh penyelidik dalam kajian ini ialah :

1. Untuk mengenalpasti imej tampak dalam lukisan pelajar tingkatan satu.
2. Untuk mengetahui makna-makna imej tampak dalam lukisan pelajar.
3. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi lukisan pelajar tingkatan satu.

1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian ditulis dalam dua bentuk iaitu soalan umum (grand tour question or guiding hypothesis – Marshall & Rossman, 1989) diikuti dengan soalan-soalan kecil. Soalan-soalan umum ini meliputi satu atau dua soalan dan diikuti dengan tidak lebih daripada lima hingga tujuh soalan-soalan kecil yang menjadi topik yang diterokai dalam pemerhatian artifak. Dalam kajian ini persoalan kajian yang ingin dilihat oleh penyelidik ialah :

1. Apakah imej tampak imej tampak dalam lukisan pelajar tingkatan satu.
2. Apakah makna-makna imej tampak dalam lukisan pelajar.
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi lukisan pelajar tingkatan satu

1.6 Rasional Kajian

Belum pernah ada kajian yang dijalankan di peringkat sekolah untuk mengkaji makna dalam ekspresi lukisan pelajar sekolah. Kajian ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk menyatakan pengalaman sebenar hidup mereka yang digambarkan melalui lukisan. Maklumat ini amat berguna kepada guru-guru memahami psikologi pelajar, dengan ini akan lebih mudah membuat penyesuaian dalam strategi pengajaran pembelajaran guru. Seorang guru yang reflektif akan merangsang balik beberapa perkara berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran seharian mereka. Dalam konteks kajian yang dijalankan ini ia adalah bertujuan untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran guru.

1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting memandangkan aspek sosiologi dan psikologi pendidikan akan dapat membantu pihak guru meningkatkan tahap profesionalisme pengajaran pembelajaran. Dalam bidang pengajaran pembelajaran pendidikan seni visual, memahami ekspresi tampak pelajar merupakan memahami individu pelajar itu sendiri. Menerusi kajian tindakan ini guru-guru pendidikan seni dapat mengenalpasti kemampuan dan keupayaan pelajar belajar seni bersesuaian dengan latar sosial budaya mereka yang pelbagai. Pemahaman terhadap ekspresi tampak pelajar akan dapat membantu meningkatkan tahap apresiasi pelajar terhadap seni. Ia juga dapat mengelakkan sikap prejudis guru yang mengajar seni terutama dalam penilaian kemampuan pelajar dalam menghasilkan karya lukisan.

Kajian ini juga boleh dijadikan panduan dalam penyediaan kaedah pengajaran

oleh guru pendidikan seni di sekolah bagi meningkatkan kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran melukis. Pihak guru juga dapat menyusun strategi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan memperbaiki kesilapan atau kelemahan yang ada dalam pendekatan pengajaran mereka.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berfokus kepada pelajar menengah rendah (Tingkatan 1) sahaja. Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Tengku Kudin, Raub Pahang di mana penyelidik bertugas di sekolah yang sama. Dalam kajian ini penyelidik telah menghadkan kepada tiga persoalan kajian yang menumpukan kepada ekspresi tampak dalam lukisan sahaja.

1.9 Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah tempat di mana penyelidik bertugas. Dengan itu penyelidik hanya perlu mendapatkan surat kebenaran daripada pengetua sekolah berkenaan.

1.10 Definisi Terminologi

Definisi istilah adalah berhubung dengan istilah-istilah yang spesifik berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan. Ini bertujuan untuk mengelakkan pembaca

operasional yang kerap digunakan ialah :

1.10.1 Pelajar

Seseorang yang masih menuntut di sekolah, kolej atau universiti (Kamus Oxford Dwi-Bahasa, 2001). Pelajar yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah yang sedang belajar di sekolah menengah rendah, sekolah bantuan kerajaan.

1.10.2 Memahami

- Tahu dan mengerti benar akan sesuatu (Kamus Dewan ,1989)
- Dapat menanggapi makna (Kamus Oxford Dwi-Bahasa,2001)

1.10.3 Tangapan atau Persepsi

Apakah yang diterima oleh pancaindera, gambaran atau bayangan dalam hati (Kamus Dewan, 1994)

1.10.4 Lukisan

- Lakaran atau lukisan (drawing) merupakan satu hasil seni. Terhasil oleh kesan-kesan atau olehan elemen dan prinsip rekaan, menerusi media kering atau media basah. Gerakan atau kualiti-kualiti garisan dilakukan

- secara spontan tetapi terancang. Kadang kala ia melibatkan gerak hati dan perasaan melalui gerakan tangan dengan didasari oleh kemahiran dan kebolehan serta penguasaan dalam formalistik seni tampak (*visual language*). Mendelowitz (1980) dalam kertas seminar “Penilaian Kursus Iakaran Dalam Program Pendidikan Seni” (Soeprapto & Roskang : 2001) menyatakan, “ *Drawing has an essential role to play in our world, both as a means to an end in the development or conceptualization of other expressions and as an end in itself. The revived popularity of representational styles testifies to a felt need for draftmanly qualities art. Most important, however, is the immediacy of drawing – quality perfectly in tune with the spontaneity and free expression so greatly prized in contemporary society*”
- Lukisan yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah hasil lukisan kerja pelajar tingkatan satu sekolah menengah yang menggunakan media kering (pensil)

1.10.5 Elemen-Elemen Seni

Elemen-Elemen Seni ialah garisan, rupa, bentuk, jalinan, ruang dan warna atau disebut juga sebagai Unsur-Unsur seni yang menjadi asas dalam semua reka bentuk yang dicipta. Comb Van Homrigh, (1965) dalam *Introduction to Art and Craft* merumuskan sebagai “*The basic abstract factors or parts with which any work of visual art is built up, such as line, space, direction, shape, size, texture, tone (or value) and colour*”



1.10.6 Prinsip Rekaan

Prinsip rekaan ialah satu konsep pengolahan elemen-elemen seni. Jame T. Saw (2000) dalam *2D Design Notes* menjelaskan sebagai berikut : *“The principles of design are concepts for organising visual information. Design principles are descriptions of how we perceive and process visual information and are the ideas for creating order in two-dimensional images”*.

1.10.7 Menggambar

Menggambar bermaksud melukis (membuat) gambar (Kamus Dewan). Subjek yang biasa dikaitkan dalam aktiviti menggambar adalah seperti lukisan dan catan alam semulajadi, alam benda dan pemandangan. Di peringkat sekolah menengah kegiatan menggambar mengandungi lima aktiviti iaitu lukisan, catan, cetakan, kolaj dan komik. Kesemua aktiviti ini menggunakan bahan yang berlainan untuk menghasilkannya.

1.10.8 Ruang

- Sela-sela antara dua deret tiang atau antara empat tiang @ bahagian yang kosong terbuka. Bahagian kosong atau tempat wujudnya objek dan bergerak (Kamus Oxford Dwi-Bahasa : 2001)



- Ruang terbahagi kepada dua ; Ruang nyata yang terdapat pada benda konkrit dan ruang tampak (ilusi) yang timbul dalam seni tampak seperti lukisan dan catan (Kathleen Chee: 2000, Teks Pendidikan Seni Tingkatan Satu)
- Ruang yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah ruang penggambaran pada bahagian-bahagian tertentu dalam satu muka kertas lukisan mengikut aturan perspektif.

1.10.9 Perspektif

Cara pelukisan (penggambaran) sesuatu benda pada permukaan yang rata sebagaimana yang kelihatan daripada sesuatu tempat pada mata seseorang.

(Kamus Dewan, 1989).

Perspektif adalah merujuk kepada pandangan (view) sesuatu objek yang boleh berubah dari segi saiz, ketinggian dan kelebarannya mengikut jarak. (Chang Hon Woon : 1997, Teks Pendidikan Seni KBSM – Delta)

1.10.10 Ekspresi (*Expression*)

Pengucapan; pencurahan (perasaan dll): 2 air muka; ungkap muka (menggambarkan perasaan hati); 3 susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan); ungkapan. (Kamus DBP Dwi-Bahasa, 1979).



Ekspresi yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah gambaran perasaan hati yang diungkapkan oleh pelajar menerusi lukisan.

1.10.11 Tampak

Berkenaan dengan penglihatan; berdasarkan penglihatan. (Kamus DBP Dwi-Bahasa, 1979). Tampak yang dimaksudkan oleh penyelidik ialah yang dapat dilihat atau dipandang.

